

18/06/2002

Fadzil mula pulih selepas pembedahan

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang tidak sedarkan diri hampir seminggu selepas menjalani pembedahan pintasan jantung di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), mula menunjukkan tanda pemulihan.

HUKM, dalam satu kenyataan malam ini berkata, Fadzil, 65, yang berada dalam keadaan stabil, masih diletakkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) di bawah jagaan sepasukan pakar perubatan.

"Pada masa ini, keadaan Fadzil telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Beliau telah membuka mata apabila dipanggil," kata kenyataan itu.

HUKM berkata, kenyataan itu dikeluarkan selepas mendapat kebenaran keluarga terdekat Fadzil.

Fadzil yang juga Ahli Parlimen Pendang tidak sedarkan diri selepas menjalani pembedahan pintasan jantung pada 10 Jun lalu.

Semalam, Pengarah HUKM, Prof Dr Zulkifli Ismail, menjelaskan Fadzil tidak sedarkan diri selepas menjalani pembedahan, bukan disebabkan kesan bius.

Penjelasan itu dibuat berikutan laporan sebuah akhbar yang memetik seorang pemimpin kanan Pas sebagai berkata, Fadzil tidak sedarkan diri kesan daripada bius ketika pembedahan.

Laporan itu memetik Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar sebagai berkata, Fadzil tidak sedarkan diri berikutan kesan bius ketika pembedahan.

Fadzil menjalani pemeriksaan perubatan di HUKM pada 6 Jun lalu. Hasil pemeriksaan mendapati beliau perlu melakukan pembedahan pintasan pembuluh jantung dengan segera dan dilakukan pada 10 Jun lalu.

Sebelum itu, pada 10 Mei, Fadzil dimasukkan ke Hospital Kuala Terengganu selepas mengadu sakit dada setibanya di Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut melawat Fadzil di HUKM sekembalinya dari luar negara Jumaat lalu, manakala timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berbuat demikian sehari sebelum itu.

(END)